

Pengertian Budaya Generasi Muda

OLEH ASRUL ILHAM SANY

Generasi muda mempunyai budaya mereka yang tersendiri. Golongan ini biasanya akan menjadikan arus kehidupan mereka mengikut apa-apa yang dirasakan bersesuaian dengan jiwa muda mereka. Ada yang berpendapat bahawa golongan muda lebih cenderung untuk memilih dan menjalani budaya yang lebih negatif. Namun begitu, sejauh manakah kebenaran di sebalik kenyataan ini?

Budaya Seni


Golongan muda menggunakan seni sebagai medium untuk mengekspresikan diri. Melalui seni, wujud budaya yang semakin mendekati diri dan jiwa golongan muda pada masa kini. Seni merupakan sesuatu yang indah, dan nilai estetika seni pada golongan muda mungkin amat berbeza dengan nikmatnya kepada golongan yang lebih berusia.

Budaya seni dalam kalangan golongan muda banyak memperlihatkan emosi dan perasaan mereka yang dikatakan

tidak stabil. Malahan, ada golongan muda yang terlalu fanatik dengan budaya seni ini sehingga memperlihatkan budaya "gelap" dalam seni mereka. Contohnya, penghasilan muzik bising dan lirik yang tidak bermoral, lukisan lucu, dan persembahan seni tunjuk perasaan. Seni indah itu dirosakkan oleh golongan muda melalui budaya seni mereka sendiri. Kemarahan dan kekecewaan terhadap dunia muda mereka diperlihatkan melalui budaya seni. Terdapat perbezaan pentafsiran tentang estetika seni oleh golongan muda dan golongan dewasa. Hal ini disebabkan oleh tahap kematangan dan pengalaman persekitaran yang dilalui oleh kedua-dua golongan ini.

Seni itu indah dan tidak boleh lari dengan pendekatan positif dalam budaya hidup golongan muda. Walau pun ada sebahagian golongan muda menggunakan seni untuk meluahkan "kekecewaan", namun begitu, masih ada yang menggunakan seni untuk tujuan yang positif. Contohnya, melalui seni, remaja dapat berkumpul

dan berbincang tentang hal kesenian sehingga membentuk budaya yang sihat. Melalui budaya seni juga, remaja dapat berkarya



Generasi muda mudah terperangkap dengan budaya popular.

dan menampilkan nilai moral yang positif untuk tatapan khalayak mereka sendiri.

Nilai-nilai serumpun, kesatuan bangsa, dan agama dalam dasar budaya kebangsaan turut tersemam dalam budaya seni golongan muda. Hal ini terbukti melalui hasil karya mereka sendiri yang memperlihatkan kecekalan dan kesatuan mereka sebagai rakyat Malaysia. Contohnya, melalui lukisan grafiti yang dihasilkan oleh golongan muda. Walaupun ada yang menggunakan seni ini secara negatif, namun ada yang memaparkan imej positif, seperti perpaduan kaum.

Budaya Barat

Budaya barat amat popular dan menjadi ikutan dalam kalangan golongan muda. Bagi sesetengah golongan muda mereka mengagungkan dan menyanjung tinggi budaya Barat. Budaya

Grafiti merupakan manifestasi gejala jiwa remaja.



Barat yang amat bebas dan terbuka menarik perhatian golongan muda untuk turut serta meraikan kebebasan tersebut. Oleh sebab itulah, wujudnya budaya Barat secara berleluasa dalam kalangan golongan muda terutamanya remaja yang baharu sahaja memasuki proses "mengetahui dunia".

Ada juga golongan muda yang mengamalkan budaya Barat dengan hanya mengambil nilai positif. Contohnya, budaya membaca, budaya bersaing secara sihat, dan budaya profesional. Golongan muda ini menjadikan budaya Barat sebagai inspirasi untuk mereka lebih maju. Hal ini membuktikan bahawa golongan muda pada masa kini tidak bertindak melulu menerima budaya barat. Hal ini disebabkan oleh jati diri mereka yang ampuh dan peka terhadap dasar budaya kebangsaan yang menekankan soal agama.

Jati diri inilah menjadikan mereka tidak terlalu fanatik dengan budaya Barat dan lebih menggunakan akal fikiran untuk menyalurkan sesuatu budaya luar dalam budaya harian mereka sendiri. Malahan pendedahan terhadap budaya Barat dijadikan cabaran untuk lebih maju dan mungkin dapat menewaskan Barat dari pelbagai segi. Lihat sahaja pada masa kini, semakin banyak anak muda Malaysia berjaya menempa nama di persada antarabangsa.


Budaya Populer

Golongan muda tidak mungkin akan dapat melarikan

diri daripada budaya popular. Budaya popular merujuk kepada sesuatu yang terkini dari segi fesyen, makanan, alat elektronik, hobi, rancangan televisyen, filem, dan muzik. Budaya ini bermula seawal peringkat sekolah rendah. Hal ini memperlihatkan fanatiknya golongan muda terhadap budaya popular.

Budaya popular ini mengajar golongan muda ke arah pembaziran. Contohnya, fesyen yang sentiasa berubah-ubah. Setiap kali fesyen bertukar, golongan muda akan turut menukarkan imej mereka mengikut kehendak aliran fesyen terkini. Fesyen bukanlah sesuatu yang murah dan tidak bersifat kekal. Secara tidak langsung, budaya popular mengajar golongan muda membuang duit mereka semata-mata untuk bergaya. Malahan ada yang sanggup mengikatkan perut semata-mata untuk mendapatkan sepasang kasut tumit tinggi yang berharga ratusan ringgit.

Walaupun begitu, budaya popular mungkin mampu menjadikan golongan muda lebih fokus dalam beberapa pengkhususan. Contohnya, jika golongan muda meminati pakaian dan aksesori, mereka akan peka dengan perkembangan fesyen. Kepekaan inilah boleh membawa golongan muda untuk menukarkan kefanatikan mereka terhadap fesyen kepada fanatik terhadap kerjaya, seperti perunding imej, pereka fesyen, pelukis fesyen, dan jurusolek. Kerjaya seperti ini tidak lagi hanya berjaya dalam kalangan masyarakat Barat. Sebaliknya, Malaysia sendiri mampu melahirkan pereka fesyen terkenal di mata dunia, seperti Datuk Jimmy Choo.




Generasi muda merupakan agen pengekal dan penyebar budaya bangsa.

Budaya Politik

Budaya ini tidaklah begitu popular dalam kalangan golongan muda. Melalui politik, golongan muda lebih bertindak dengan menggunakan emosi berbanding dengan akal pemikiran. Oleh sebab itulah, munculnya kejadian buruk yang memalukan Malaysia sendiri di mata dunia. Contohnya dengan menindas pemikiran golongan muda yang lain hanya kerana pegangan politik mereka yang berbeza.

Begitu juga halnya dengan politik kalangan golongan muda itu sendiri. Budaya ini memperlihatkan golongan remaja bermain dengan politik kotor demi kepentingan mereka sendiri. Melalui manipulasi politik, golongan muda mendapatkan apa-apa yang mereka mahukan tanpa berfikir tentang keperluan rakan-rakan sebaya atau golongan terdahulu. Politik boleh menjadikan golongan muda sebagai pembuli yang suka menindas.

Setiap perkara dalam kehidupan bermula dengan pilihan. Setiap pilihan pula pasti ada pengajaran untuk dipelajari oleh golongan muda. Hal ini demikian kerana setiap pilihan itulah yang mengajar golongan muda untuk menjadi lebih matang dalam membuat pilihan tentang budaya apabila mereka semakin dewasa kelak. **db**



Budaya punk amat bertentangan dengan norma masyarakat di negara ini.